

bisnes.utusan@gmail.com

Bisnes

Artega: MoF diharap lebih rasional - Mutiara

KUALA LUMPUR 3 Jan. - Hasrat Mutiara Motors Sdn. Bhd. (Mutiara Motors) untuk menjual kereta sports buatan Jerman, Artega di negara ini terencat apabila gagal untuk membawa masuk kereta berkenaan.

Menurut Pengerusi Eksekutif Mutiara Motors, Datuk Ahmad Kemin (gambar), pihaknya masih belum menerima maklum balas permohonan untuk mengurangkan kadar cukai kereta daripada Kementerian Kewangan (MoF).

Ahmad berkata, kereta berkenaan dijadual untuk dipasarkan di Malaysia tahun lalu tetapi tertangguh sejak Mac tahun lepas disebabkan masalah berkenaan.

Katanya, syarikat itu merancang untuk memasarkan kereta sports tersebut dalam lingkungan RM700,000 sebuah, bagaimanapun Kementerian Kewangan telah mengenakan cukai



yang tinggi menyebabkan kereta itu perlu dijual melebihi harga itu.

"Saya berpendapat kereta itu (Artega) tidak boleh dijual melebihi RM700,000 sebuah, susah hendak mencari pembeli, lagipun ia bukan kereta setanding Ferrari sebaliknya lebih kurang Lotus sahaja.

"Kami telah membuat dua permohonan kepada MoF tetapi gagal. Namun kami akan mencuba sekali lagi," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Ahmad menambah, meskipun jualan Artega di Malaysia masih tertangguh tetapi syarikat itu sudah mula mengedarnya di Jepun dan akan memasuki negara-negara ASEAN tidak lama lagi.

Mutiara Motors merupakan pengedar tunggal Artega di ASEAN.

Ahmad tidak dapat menafikan yang beliau kecewa dengan masalah yang dihadapi itu kerana mahu Artega memasuki pasa-

ran Malaysia terlebih dahulu.

"Kami boleh berusaha sahaja tetapi akhirnya terpulang kepada MoF untuk menentukannya (cukai).

"Tetapi yang pasti cukai yang dikenakan sebelum ini memang

tidak sepadan dengan harga pasaran Artega.

"Saya adalah penjual dan saya tahu apakah harga kereta yang sepatutnya ditawarkan kepada pembeli. Saya tidak boleh meletakkan harga sesuka hati, ia

hanya merosakkan nama dan bisnes saya sahaja," tegas beliau.

Katanya, Artega sudah dipamerkan di bilik pameran syarikatnya dan sudah mempunyai potensi pelanggan.

Ditanya apakah tindakan Mutiara Motors jika permohonan ketiganya turut ditolak, Ahmad berkata: "Saya percaya MoF boleh menimbangkan permohonan dengan lebih rasional."



KERETA sport Artega